
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JIK 102 – Kimia Am II

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.


Jawab LIMA soalan sahaja.

Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan di penghujung subsoalan itu.


...2/-

1. (a) Data berikut diperolehi daripada suatu kajian tindak balas keseimbangan pada suhu 986°C dan tekanan 1 atm.




Komposisi pada keseimbangan (% mol)			
CO_2	H_2	CO	H_2O
0.69	80.52	9.40	9.40
7.15	46.93	22.96	22.96
21.44	22.85	27.86	27.86
34.43	12.68	26.43	26.43

- (i) Dengan menggunakan data tersebut, kira nilai pemalar keseimbangan untuk tindak balas di atas.
- (ii) Jika tindak balas diterbalikkan:




Apakah nilai K_c ?

- (iii) Kira nilai K_c untuk tindak balas



(10 markah)

- (b) Pembentukan hidrogen sulfida daripada unsur-unsur sulfur dan hidrogen adalah suatu proses eksotermik.



Ramalkan kesan perubahan berikut ke atas posisi keseimbangan apabila:

- (i) sulfur ditambahkan
- (ii) $\text{H}_2(\text{g})$ ditambahkan
- (iii) isipadu dikurangkan
- (iv) suhu ditingkatkan
- (v) pemangkin ditambah

(10 markah)

2. (a) Jika anda diberikan 0.025 M larutan HCN, apakah kepekatan H_3O^+ , CN^- dan HCN pada keseimbangan? Kira pH larutan tersebut.

K_a untuk HCN ialah 4.0×10^{-10}

(5 markah)

- (b) Kira perubahan pH apabila 1.0 mL larutan 1.0 M HCl ditambahkan kepada:

- (i) 1.0 L air
(ii) 1.0 L larutan tampan asid asetik/natrium asetat dengan $[\text{CH}_3\text{COOH}] = 0.700 \text{ M}$ dan $[\text{CH}_3\text{COO}^-] = 0.600 \text{ M}$

K_a asid asetik ialah 1.8×10^{-5} .

(10 markah)

- (c) Ketumpatan suatu gas anu pada STP ialah 1.429 gL^{-1} . Kira jisim molar gas tersebut.

(5 markah)

3. (a) Anda di minta melakukan suatu proses pentitratan yang melibatkan 20.0 mL 0.11 M NH_3 dengan 0.10 M HCl.

- (i) Kira pH larutan NH_3 sebelum pentitratan bermula.
(ii) Kira pH larutan selepas menambah 5.00, 15.0, 22.0 dan 25.0 mL larutan asid.
(iii) Lakarkan bentuk kelok pentitratan anda.

(12 markah)


- (b) Pemalar keterlarutan, K_{sp} bagi AgIO_3 ialah 1.0×10^{-8} . Jika 0.10 g pepejal AgIO_3 di tambah kepada 100.0 mL larutan 0.020 M KIO_3 , kira kepekatan K^+ , IO_3^- dan Ag^+ pada keseimbangan.

(8 markah)


4. (a) Suatu hidrokarbon dengan formula umum C_xH_y terdiri daripada 92.26% karbon. Data eksperimen menunjukkan 0.293 g gas hidrokarbon tersebut memenuhi 185 mL bekas pada suhu 23°C dan tekanan 374 mmHg. Apakah formula molekul hidrokarbon tersebut?

(10 markah)

- (b) Kira entalpi (ΔH) pemutusan $\text{C}=\text{C}$ dalam tindak balas berikut:




Untuk mencari jawapannya, anda diberikan maklumat berikut:



(10 markah)

5. (a) Gas ammonia disintesis daripada nitrogen dan hidrogen melalui tindak balas



Andaikan bahawa anda memperolehi 355 L gas H_2 pada suhu $25^\circ C$ dan tekanan 542 mmHg dan mencampurkannya dengan 105 L gas N_2 pada suhu $20.0^\circ C$ dan tekanan 645 mmHg.

- (i) Berapa gram NH_3 yang akan terbentuk mengikut teori?
- (ii) Jika gas NH_3 di kumpulkan dalam tangki 125 L pada suhu $25^\circ C$, apakah tekanannya?


(10 markah)

- (b) Logam plumbum menghablur dalam susunan kiub berpusat muka. Jika jejari logam Pb ialah 175.0 pm, kira:

- (i) panjang sisi tepi sel unit.
- (ii) Isipadu sel unit.
- (iii) Ketumpatan plumbum pepejal.

(10 markah)

6. (a) Oktana, C_8H_{18} , terbakar dalam udara mengikut persamaan berikut:




Suatu sampel oktana seberat 1.00 g dibakar dalam kalorimeter bom yang mengandungi 1.20 kg air, dan suhu air serta bom meningkat dari $25.00^\circ C$ ke $33.20^\circ C$. Jika muatan haba kalorimeter ialah 837 J K^{-1} , kira

- (i) entalpi pembakaran 1.00 g sampel C_8H_{18} .
- (ii) entalpi pembakaran per mol C_8H_{18} .

(6 markah)

- (b) Gambarajah fasa untuk xenon



Berpandukan gambarajah fasa tersebut jawab soalan-soalan berikut:

- (i) Nyatakan fasa xenon pada suhu bilik dan tekanan 1.0 atm.
- (ii) Jika tekanan setinggi 0.75 atmosfera dikenakan ke atas xenon, dan suhu ialah -114°C , dalam fasa manakah xenon akan wujud?
- (iii) Jika anda menyukat tekanan wap sampel xenon cecair dan mendapatinya bernilai 380 mmHg, apakah suhu fasa cecair tersebut?
- (iv) Apakah tekanan wap pepejal xenon pada -122°C ?
- (v) Fasa manakah yang lebih tumpat, cecair atau gas? Jelaskan jawapan anda.

(14 markah)

Pemalar Asas Kimia

Simbol	Keterangan	Nilai
N_A	Nombor Avogadro	$6.022 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$
F	Pemalar Faraday	$96,500 \text{ C mol}^{-1}$, atau coulomb per mol, elektron
e	Cas elektron	$4.80 \times 10^{-10} \text{ esu}$ $1.60 \times 10^{-19} \text{ C}$ atau coulomb
m_e	Jisim elektron	$9.11 \times 10^{-28} \text{ g}$ $9.11 \times 10^{-31} \text{ kg}$
m_p	Jisim proton	$1.67 \times 10^{-24} \text{ g}$ $1.67 \times 10^{-27} \text{ kg}$
R	Pemalar gas	$8.314 \text{ kPa dm}^3 \text{ mol}^{-1} \text{ K}^{-1}$ $8.314 \times 10^7 \text{ erg K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $8.314 \text{ J K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $82.05 \text{ cm}^3 \text{ atm K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $0.0821 \text{ liter.atm K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $1.987 \text{ cal K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$
k	Pemalar Boltzmann	$1.380 \times 10^{-16} \text{ erg K}^{-1} \text{ molekul}^{-1}$ $1.380 \times 10^{-23} \text{ J K}^{-1} \text{ molekul}^{-1}$
g		981 cm s^{-2} 9.81 m s^{-2}
1 atm		760 mm Hg 101.325 kPa 76 cmHg $1.013 \times 10^6 \text{ dyn cm}^{-2}$ $101,325 \text{ N m}^{-2}$
2.303 $\frac{RT}{F}$		0.0591 V, atau volt, pada 25°C
760 torr	=	101.325 kPA
1 Å	=	10^{-8} cm
pico	=	10^{-12}